

UEM Edgenta Terus Menyokong Usaha Pemulihan COVID-19 Negara dengan Penubuhan Pusat Vaksinasi untuk Golongan Remaja

KUALA LUMPUR, 14 Oktober – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini telah mengubah suai Pusat Penilaian COVID-19 Swasta (“CAC”) di UEM Edgenta Learning Centre (“UELC”), Petaling Jaya sebagai Pusat Vaksinasi Awam (“PPV”) untuk golongan remaja berusia antara 12 hingga 15 tahun.

PPV ini ditubuhkan hasil usahasama bersama ProtectHealth, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan disokong oleh U.N.I.Klinik yang mana akan beroperasi selama enam minggu bermula 11 Oktober 2021, dari 9.00 pagi sehingga 4.00 petang setiap hari, dan ditutup pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Kami amat berbesar hati kerana dapat terus menyokong Kerajaan bagi membantu memastikan liputan vaksinasi dicapai seluas mungkin dengan mengalu-alukan golongan remaja untuk mendapatkan suntikan vaksinasi mereka. Ini juga penting bagi membolehkan sesi persekolahan dapat dibuka semula dengan lebih banyak para pelajar divaksinasi. Memandangkan lebih banyak pejabat akan dibuka semula dan aktiviti rentas negeri dipergiatkan, lokasi strategik dan ideal UELC kami yang berdekatan dengan kawasan perumahan juga akan memanfaatkan mereka yang menetap di kawasan Lembah Klang.”

“Dengan pengoperasian PPV ini, kami menasaskan untuk memberikan sehingga 1,500 dos vaksin Pfizer-BioNTech COVID-19 setiap hari. Kami berharap dengan ini, masyarakat akan dapat meneruskan kehidupan seharian dan InshaAllah, negara kita akan dapat meneruskan usaha pemulihan ekonomi dan sosial,” tambah beliau.

Sebelum ini, UEM Edgenta telah mengubah suai fasiliti latihan dan pembangunan warga kerjanya – UELC – menjadi CAC Swasta yang menggunakan QuickMed sebagai nadi penggerakannya, dan dilengkapi dengan makmal bergerak Polymerase Chain Reaction (“PCR”), pusat saringan dan peralatan canggih untuk mengurangkan kesesakan di CAC lain. CAC Swasta ini telah menyaring hampir 4,000 pesakit COVID-19 sepanjang 3 bulan operasinya.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.